



1. PENYUNTING KANAN
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Pengajian Brunei / Ehwal Semasa / Kewartawanan / Komunikasi Massa / *Public Affairs* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah satu kelebihan.


ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei sebagai Penterjemah Kanan / Penyunting / Ketua Pemberita / Penerbit Tingkat II / Penolong Penerbit / Penolong Skrip / Penulis Skrip / Penyiar Berita atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mestilah lulus dalam ujian kelayakan (*audition*) yang dikendalikan oleh Jabatan Radio Televisyen Brunei.
3. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang sangat luas di bidang kewartawanan serta berminat di bidang penyuntingan.
4. Mempunyai kedewasaan berfikir dan berkeupayaan untuk bertindak dalam suasana tegang.



5. Mempunyai sifat-sifat kepimpinan.
6. Peka terhadap perkembangan dan hal ehwal dalam negeri, serantau dan antarabangsa.
7. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
8. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PENYUNTING KANAN:

1. Bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian dan Ketua Seksyen sebagai Penyunting Bertugas (*Duty Editor*) dalam kerja-kerja penerbitan berita radio dan televisyen serta juga rancangan-rancangan khas terbitan Bahagian Berita, Hal Ehwal Semasa dan Sukan.
2. Selaku Penyunting Bertugas, Penyunting Kanan adalah bertanggungjawab dalam membantu memastikan bahan-bahan berita radio dan televisyen adalah tidak bertentangan dengan dasar-dasar dan peraturan-peraturan penerbitan berita radio dan televisyen. Ini termasuklah dari segi pengolahan, kandungan dan penggunaan kedua-dua Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
3. Penyunting Kanan juga dikehendaki menerbitkan rancangan-rancangan hal ehwal semasa terbitan Bahagian Berita, Hal Ehwal Semasa dan Sukan.
4. Dikehendaki membuat arahan penerbitan berita televisyen di studio.
5. Penyunting Kanan juga ada kalanya dikehendaki keluar membuat liputan acara-acara penting dalam dan luar negeri.
6. Penyunting Kanan juga dikehendaki membantu membimbing Penyunting-Penyunting yang baru berkhidmat.
7. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.